



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
No. 13

21hb Jun 2012

*TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGAN*

M. P.U. 24.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN HAIWAN TERNAKAN
(MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA) 2012

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
Undang
Kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LESEN

3. Lesen
4. Permohonan lesen
5. Pematuhan kepada syarat lesen

Undang-
Undang
Kecil

6. Kuasa mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat
7. Kuasa untuk menghendaki maklumat
8. Fi tidak boleh dibayar balik
9. Bentuk lesen
10. Tempoh lesen
11. Lesen tidak boleh dipindahmilik
12. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
13. Pembatalan lesen
14. Pembaharuan lesen
15. Lesen gantian

BAHAGIAN III**PERUNTUKAN AM**

16. Keperluan kesihatan dan kebersihan

BAHAGIAN IV**PENGUATKUASAAN**

17. Haiwan yang merayau
18. Sitaan dan memindahkan haiwan
19. Kuasa untuk masuk dan memeriksa
20. Tuntutan ke atas haiwan yang disita
21. Tiada tanggungan ke atas kehilangan, kecederaan, kecacatan dan lain-lain

BAHAGIAN V**AM**

22. Penalti

JADUAL PERTAMA**JADUAL KEDUA****JADUAL KETIGA**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN HAIWAN TERNAKAN
(MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73, 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2012**.
- (2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.
- (3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan yang ditadbir oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“haiwan” termasuklah kuda, lembu, sapi, kerbau, kambing, biri-biri atau binatang ternakan yang lain;

“kandang” ertinya mana-mana bangunan atau sebahagian daripada bangunan yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan sebagai tempat memelihara atau menyimpan haiwan dan termasuklah tanah yang bersangkutan dengannya;

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya;

“Pegawai Pelesen” ertinya Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai Majlis yang dilantik dan diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis bagi maksud Undang-Undang Kecil ini;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang diberi lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“pemunya” ertinya tuan punya haiwan, orang yang memelihara, membiak, menyimpan, menjaga atau mempunyai kawalan terhadap haiwan tersebut;

“Pengarah Veterinar” ertinya Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

BAHAGIAN II

LESEN

Lesen

3. (1) Tiada kandang di dalam kawasan Majlis boleh digunakan oleh mana-mana orang bagi maksud memelihara atau menyimpan haiwan tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Fi dikenakan menurut Jadual Kedua.

Permohonan lesen

4. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat dalam borang berserta dengan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh memberikan lesen dengan atau tanpa mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majlis.

(3) Majlis boleh mengarahkan pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut semasa permohonan lesen dibuat.

(4) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Majlis.

(5) Apabila permohonan itu diluluskan, Majlis hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada—

(a) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua serta lain-lain bayaran yang difikirkan patut oleh Majlis; dan

(b) apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Pematuhan kepada syarat lesen

5. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis.

(2) Pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat dalam perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Kuasa mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat

6. (1) Majlis boleh, dari semasa ke semasa atas kepentingan awam untuk—
 - (a) mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen itu; atau
 - (b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen itu.
(2) Pemegang lesen hendaklah diberikan suatu notis bertulis, sebelum Majlis membuat keputusan di bawah perenggan (1).

Kuasa untuk menghendaki maklumat

7. Bagi maksud menimbangkan sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen atau memperbaharui sesuatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini, Majlis boleh menghendaki pemohon memberikan apa-apa maklumat yang berkaitan sebagaimana difikirkan perlu.

Fi tidak boleh dibayar balik

8. Apa-apa fi yang telah dibayar di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dikembalikan.

Bentuk lesen

9. Lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Tempoh lesen

10. Mana-mana lesen jika tidak dibatalkan terlebih dahulu, Majlis boleh dengan budi bicaranya jika difikirkan wajar, mengeluarkan sesuatu lesen untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Lesen tidak boleh dipindahmilik

11. (1) Tiada lesen boleh dipindahmilik tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.
- (2) Fi pindahmilik lesen adalah 30% daripada fi lesen.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

12. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di premis dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pegawai Pelesen.
- (2) Pemegang lesen yang gagal mempamerkan atau mengemukakan lesen itu di bawah perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pembatalan lesen

13. (1) Majlis boleh, tanpa memberi apa-apa sebab, pada bila-bila masa membatakan mana-mana lesen jika pemegang lesen gagal mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau syarat atau sekatan lesen itu.
- (2) Mana-mana orang yang memelihara atau menyimpan haiwan setelah lesen dibatalkan adalah melakukan suatu kesalahan.

Pembaharuan lesen

14. (1) Suatu permohonan pembaharuan lesen boleh dibuat kepada Pegawai Pelesen dengan bayaran fi seperimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.
- (2) Pegawai Pelesen boleh mengkehendaki pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan perlu semasa permohonan pembaharuan lesen dibuat.
- (3) Majlis boleh menolak pembaharuan sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.
- (4) Pemegang lesen hendaklah menyelesaikan sebarang bayaran kepada Majlis sebelum lesen diperbaharui.

Lesen gantian

15. Jika lesen yang diberikan telah hilang, cacat atau rosak, Pegawai Pelesen boleh mengeluarkan suatu lesen gantian untuk menggantikan lesen itu dengan membayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN III
PERUNTUKAN AM

Keperluan kesihatan dan kebersihan

16. (1) Lantai bagi semua kandang berlesen hendaklah dilapiskan dengan konkrit atau bahan tidak telap air yang lain yang diluluskan oleh Majlis dan hendaklah dicuram dengan betul ke parit. Parit itu hendaklah dibina menurut kehendak dan penentuan yang diluluskan oleh Majlis.

(2) Pemegang lesen hendaklah sentiasa menjaga kebersihan kandang berkenaan supaya dapat mencegah kemungkinan terjadinya pencemaran atau kacau-ganggu di kawasan persekitarannya.

(3) Tanah yang bersangkutan dengan sesuatu kandang haiwan itu hendaklah dilingkari dengan pagar.

(4) Suatu kandang yang berasingan hendaklah disediakan bagi tujuan memerah susu haiwan.

(5) Bekalan air yang secukupnya hendaklah disediakan di kandang berlesen itu.

(6) Semua sampah sarap hendaklah dibuang mengikut cara yang diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(7) Pemegang lesen hendaklah dengan segera memberitahu Pengarah Veterinar sekiranya terjadi apa-apa wabak penyakit haiwan yang luar biasa.

(8) Tiada kandang berlesen boleh mempunyai suatu bilik kediaman atau tempat tidur bagi manusia.

BAHAGIAN IV
PENGUATKUASAAN

Haiwan yang merayau

17. Pemunya atau pemegang lesen yang membiarkan mana-mana haiwan merayau-rayau di mana-mana tempat dalam kawasan Majlis dan di luar daripada kandang berlesen adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Sitaan dan memindahkan haiwan

18. (1) Yang Dipertua atau pegawai yang diberi kuasa boleh menyita atau menembak haiwan yang menjadi hal perkara kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil 17 dan bolehlah memindah dan menahan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua atas risiko pemunya atau pemegang lesen.

(2) Mana-mana haiwan yang telah disita atau ditahan, jika tidak dituntut dalam masa lima hari, boleh dilupuskan dengan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(3) Tiada apa-apa pampasan atau ganti rugi kena dibayar bagi mana-mana haiwan yang dilupuskan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Kuasa masuk dan memeriksa

19. (1) Pegawai Pelesen boleh pada setiap masa yang munasabah, dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

- (a) memasuki mana-mana premis; dan
- (b) menjalankan apa-apa pemeriksaan, penyiasatan atau apa-apa peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Tuntutan ke atas haiwan yang disita

20. Mana-mana orang yang mempunyai apa-apa tuntutan ke atas haiwan yang disita di bawah Undang-Undang Kecil 18, boleh menuntut daripada Majlis dalam tempoh lima hari daripada tarikh sitaan dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen dan tertakluk kepada pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Dengan syarat bahawa sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana haiwan yang telah dipindah dan disita dalam tempoh lima hari, Yang Dipertua boleh melupuskan haiwan itu dengan cara yang difikirkan patut olehnya.

Tiada tanggungan ke atas kehilangan, kecederaan, kecacatan dan lain-lain

21. Majlis dan pegawai yang menguatkuasakan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini tidak bertanggungan atas apa-apa kehilangan, kecederaan, kecacatan dan lain-lain yang berlaku akibat daripada penguatkuasaan.

BAHAGIAN V

AM

Penalti

22. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau syarat atau sekatan lesen adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

JADUAL PERTAMA
[Undang-Undang Kecil 4(4)]

FI PEMPROSESAN

Fi pemprosesan lesen	:	RM10.00
----------------------	---	---------

[Undang-Undang Kecil 15]

FI PENGGANTIAN LESEN

Fi bagi penggantian lesen	:	RM20.00
---------------------------	---	---------

JADUAL KEDUA

[Undang-Undang Kecil 3(2)]

FI LESEN

Bagi satu kandang berlesen untuk memelihara haiwan:

- | | |
|----------------------------|----------------|
| 1. Lembu/Kerbau/Kuda/Sapi: | (RM) |
| (a) 1 - 5 ekor | 10.00 setahun |
| (b) 6 - 15 ekor | 100.00 setahun |
| (c) 16 - 50 ekor | 200.00 setahun |
| (d) Melebihi 50 ekor | 300.00 setahun |
| 2. Kambing/Biri-biri: | (RM) |
| (a) 1 - 5 ekor | 10.00 setahun |
| (b) 6 - 15 ekor | 70.00 setahun |
| (c) 16 - 50 ekor | 100.00 setahun |
| (d) Melebihi 50 ekor | 200.00 setahun |
| 3. Lain-lain ternakan | (RM) |
| (a) 1 - 5 ekor | 10.00 setahun |
| (b) 6 - 15 ekor | 100.00 setahun |
| (c) 16 - 50 ekor | 200.00 setahun |
| (d) melebihi 50 ekor | 300.00 setahun |

JADUAL KETIGA
(Undang-Undang Kecil 20)

FI MEMINDAHKAN DAN MENYIMPAN

- (a) Memindahkan : Tidak kurang daripada RM100.00
- (b) Menyimpan
- (i) Lembu/kerbau/kuda : RM20.00 sehari seekor
- (ii) lain-lain haiwan : RM15.00 sehari seekor

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dalam Mesyuaratnya pada 28 Januari 2011
[MPHTJ/BPU/02/0002/0018; PUNM.700-02/6 Jilid 8]

SAPIAH BINTI HJ. HARON
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuarat pada 5 Jun 2012.
[MMKN.7B/13/2012]

MARIAM BINTI ILLIAS
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Melaka

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF LIVESTOCK (HANG TUAH JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2012

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-Laws

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation

PART II

LICENCE

3. Licence
4. Application for licence
5. Compliance of licence conditions
6. Power to impose additional conditions, amendment or to revoke the conditions
7. Power to obtain information
8. Fee is non refundable
9. Form of licence
10. Duration of licence
11. Licence not transferable
12. Licence to be exhibited and produced
13. Revocation of licence
14. Renewal of licence
15. Replacement of licence

PART III

GENERAL PROVISIONS

16. Health and cleanliness requirements

**PART IV
ENFORCEMENT**

By-Laws

17. Stray animals
18. Seizure and removal of animals
19. Power to enter and inspect
20. Claims of seizure animal
21. No liability on lossess, injuries, disabilities and others

**PART V
GENERAL**

22. Penalty

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF LIVESTOCK (HANG TUAH JAYA MUNICIPAL COUNCIL)
BY-LAWS 2012

IN exercise of the powers conferred under sections 73, 102 and 102A of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Hang Tuah Jaya Municipal Council hereby makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

PART I
PRELIMINARY

Citation, commencement and application

1. (1) These by-laws may be cited as the **Licensing of Livestock (Hang Tuah Jaya Municipal Council) By-Laws 2012**.
- (2) These By-Laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.
- (3) These By-Laws shall apply only to the area administered by the Hang Tuah Jaya Municipal Council.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“animals” includes horses, cows, oxen, buffaloes, goats, sheeps or other livestock;

“shed” means any building or a part of building used or intended to be used as for a place to rear or keeping animals and includes the land appurtenant thereto;

“licence” means licence granted under these By-Laws;

“Council” means the Hang Tuah Jaya Municipal Council;

“Licensing Officer” means the President or any Council Officer authorised in writing by the President;

“authorised officer” means any Council Officer appointed and authorised in writing by the Council for the purpose of these By-Laws;

“licensee” means any person who has been issued a licence under these By-Laws;

“owner” means the owner of the animals, the person who rears, breed, keep, take care or the person in-charge of animals;

“Veterinary Director” means the Director of the Veterinary Services Department of Malacca;

“President” means the President of the Hang Tuah Jaya Municipal Council.

PART II

LICENCE

Licence

3. (1) No shed within the Council area shall be used by any person for the purpose of rearing or keeping animal without a licence issued by the Council under these By-Laws.

(2) Fee is imposed as prescribed in the Second Schedule.

Application for licence

4. (1) An application for a licence shall be made in such form together with any documents or information as determined by the Council.

(2) The Council may issue the licence with or without any condition as the Council thinks fit.

(3) The Council may direct an applicant to attend in person or in the case of a corporation or firm, by a director, employee or any person authorised by the corporation or firm at the time of the issuance of the licence.

(4) The applicant shall pay a processing fees as prescribed in the First Schedule upon submission of the application and it is non refundable whether the application is approved or disapproved by the Council.

(5) Upon approval of the application, the Council shall issue a licence subject to—

- (a) payment of any fee as set out in the Second Schedule and any other payment as the Council thinks fit; and
- (b) any condition or restriction as may be imposed by the Council from time to time.

Compliance of licence conditions

5. (1) The licensee shall comply any condition imposed by the Council.

(2) The licensee who breach any of the condition stated in paragraph (1) committed an offence.

Power to impose additional conditions, amendment or revoke the conditions

6. (1) The Council may, from time to time for the public interest to—

- (a) impose any additional conditions on the licence; or
- (b) amend or revoke any conditions impose on the licence.

(2) The licensee shall be given a notice in writing, before the Council make a decision as stated in paragraph (1).

Power to obtain information

7. For the purpose to consider the application for a licence or renewal of licence under these By-Laws, the Council may require the applicant to give any information which is relevant as deems fit.

Fee is non refundable

8. Any fee paid under these By-Laws is non refundable.

Form of licence

9. Licence issued under these By-Laws shall be in such form as determined by the Council from time to time.

Duration of licence

10. Any licence unless sooner cancelled, the Council may on its discretion if thinks fit, issued a licence for a period not exceeding three years.

Licence not transferable

11. (1) No licence shall be transferred without written approval of the Council.

(2) Fee to transfer licence is 30% from the licence fee.

Licence to be exhibited and produced

12. (1) A licensee shall exhibit his licence at all times at a conspicuous place in the premise and shall produce such licence when required to do so by the any of the Licensing Officer.

(2) A licensee who fails to exhibit or produce his licence under paragraph (1) commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit or imprisonment for a term not exceeding six months or both.

Revocation of licence

13. (1) The Council may, without giving any reason, at any time revoke any licence if the licensee fails to comply with any provisions of these By-Laws or any conditions or restriction of the licence.

(2) Any person who rears or keeps any animals after the revocation of licence commits an offence.

Renewal of licence

14. (1) An application for renewal of licence can be made to the Licensing Officer upon payment of fee as prescribed in the Second Schedule.

(2) The Licensing Officer may require the applicant to submit any document or additional information as it deemed necessary at the time the renewal of application is made.

(3) The Council may refuse to renew the licence without giving any reason.

(4) The licensee shall settle any payment to the Council before a licence is renewed.

Replacement of licence

15. If licence granted has been lost, defaced or damaged, the Licensing Officer may issue a replacement licence in place thereof on payment of a fees as prescribed in the First Schedule.

PART III**GENERAL PROVISIONS****Health and cleanliness requirements**

16. (1) The floors of all licensed shed shall be laid with concrete or other impervious material approved by the Council and shall be properly graded to the drains. The drains shall be constructed on accordance with the requirements and specifications approved by Council.

(2) The licensee shall keep the shed clean at all times so as to prevent any pollution or nuisance within the surrounding areas.

(3) The land appurtenant to animal shed shall be surrounded by fence.

(4) A separate shed shall be provided for the milking of animals.

(5) There shall be adequate water supply on the licensed shed.

(6) All the rubbish must be disposed in the manner as instructed by the Council from the time to time.

(7) The licensee shall immediately inform the Veterinary Director in the event of any abnormal outbreak of disease on animals.

(8) No licensed shed shall have a living room or sleeping place for human being.

PART IV ENFORCEMENT

Stray animals

17. The owner or the licensee who lets any animal straying in any area within the Council and outside the licensed shed commits an offence under these By-Laws.

Seizure and removal of animals

18. (1) The President or authorised officer may seize or shoot any animal which is subject matter of an offence under the provision of By-Laws 17 and may remove and detain in any place as determined by the President on the risk of the owner or licensee.

(2) Any animal seized or detained, if not claimed within five days, may be disposed of in such manner as the President may determine.

(3) No compensation or damages shall be payable for any animal disposed of under these By-Laws.

Power to enter and inspect

19. Any Licensing Officer may at all reasonable time, for the purpose of ascertaining whether the conditions or restrictions of a licence or the provision of these By-Laws are being complied with—

- (a) enter any premises; and
- (b) carry out any inspection, investigation or any provisions under these By-Laws.

Claims of seizure animal

20. Any person who had claims on animal seized under By-Laws 18, may claim from the Council within five days from the date of seizure and subject to any conditions imposed by the Licensing Officer and subject to payment of fees as prescribed in the Third Schedule.

Provided that in the event of there being no claim made to any of the animal that have been removed and seized within five days, the President may dispose the said animal in such manner as he may thinks fit.

No liability on the losses, injuries, disabilities and others

21. The Council and the authorised officers enforcing any provisions of these By-Laws shall not be liable on any losses, injuries, disabilities and others due to the enforcement.

PART V

GENERAL

Penalty

22. Any person who contravenes any provisions of these By-Laws or conditions or restrictions of the licence commits of an offence and shall, on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or imprisonment not exceeding one year or both.

FIRST SCHEDULE
[By-Laws 4(4)]

PROCESSING OF LICENCE FEE

Processing of licence fee	:	RM10.00
---------------------------	---	---------

[By-Laws 15]

REPLACEMENT OF LICENCE FEE

Replacement of licence fee	:	RM20.00
----------------------------	---	---------

SECOND SCHEDULE
[By-Laws 3(2)]

LICENCE FEE

For one licensed shed for keeping animal:

- | | |
|--------------------------------|------------------|
| 1. Cows/Buffaloes/Horses/Oxen: | (RM) |
| (a) 1 - 5 heads | 10.00 per annum |
| (b) 6 - 15 heads | 10.00 per annum |
| (c) 16 - 50 heads | 200.00 per annum |
| (d) More than 50 heads | 300.00 per annum |
| 2. Goats/Sheep: | (RM) |
| (a) 1 - 5 heads | 10.00 per annum |
| (b) 6 - 15 heads | 70.00 per annum |

(c) 16 - 50 heads	100.00 per annum
(d) More than 50 heads	200.00 per annum
3. Other livestock:	(RM)
(a) 1 - 5 heads	10.00 per annum
(b) 6 - 15 heads	100.00 per annum
(c) 16 - 50 heads	200.00 per annum
(d) More than 50 heads	300.00 per annum

THIRD SCHEDULE
(By-Laws 20)

REMOVAL AND STORAGE FEE

(a) Removal	:	Not less than RM100.00
(b) Storage	:	
(i) cow/buffalo/horse	:	RM20.00 per day/per head
(ii) Other animals	:	RM15.00 per day/per head

Made by the Hang Tuah Jaya Municipal Council in the meeting on 28 January 2011
 [MPHTJ/BPU/02/0002/0017; PUNM.700-02/6 Jilid 8]

SAPIAH BINTI HJ. HARON
President,
Hang Tuah Jaya Municipal Council

Confirmed by the State Authority in the meeting on 5 June 2012.
 [MMKN.7B/13/2012]

MARIAM BINTI ILIAS
Secretary,
State Executive Council,
Malacca

M. P.U. 25.

**ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT
HIBURAN 2001**

**PERATURAN-PERATURAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT
HIBURAN (NEGERI MELAKA) 2012**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Permohonan lesen
4. Penolakan permohonan
5. Fi lesen
6. Pematuhan kepada syarat lesen
7. Kuasa mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat
8. Kuasa untuk menghendaki maklumat
9. Fi tidak boleh dibayar balik
10. Bentuk lesen
11. Tempoh lesen
12. Lesen tidak boleh dipindahmilik
13. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
14. Pembatalan lesen
15. Pembaharuan lesen
16. Lesen gantian

BAHAGIAN III**PENGAWALAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN****Peraturan**

17. Larangan penjualan dan pengiklanan tiket
18. Tempat letak kereta
19. Perlindungan insuran
20. Kebersihan premis
21. Kacau-ganggu yang disebabkan oleh bunyi
22. Kemudahan tandas
23. Kelengkapan pertolongan cemas
24. Keselamatan orang awam
25. Pengudaraan
26. Pembinaan gerai atau struktur
27. Pelesenan perniagaan dsb.

BAHAGIAN IV**HAD-HAD LESEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN**

28. Had hiburan
29. Bilangan mesin yang dibenarkan
30. Bilangan orang yang dibenarkan
31. Hiburan yang lucah dilarang
32. Pakaian
33. Orang yang mabuk dilarang
34. Tiada pertaruhan atau perjudian dibenarkan
35. Dilarang manipulasi
36. Alat permainan sesuai dan selamat untuk digunakan
37. Masa pengendalian
38. Tiada bir atau minuman yang memabukkan atau mana-mana minuman yang dilarang oleh Pegawai Pelesen boleh dihidang atau diminum
39. Had umur pelanggan
40. Kanak-kanak di bawah umur dua belas tahun hendaklah ditemani bersama dengan orang dewasa

BAHAGIAN V
PENGUATKUASAAN

41. Pecah buka
42. Penutupan
43. Penggeledahan dengan waran
44. Penyitaan
45. Tuntutan ke atas barang yang disita
46. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh dituntut
47. Tiada tanggungan ke atas kehilangan dan kerosakan
48. Pelanggaran peraturan suatu kesalahan

BAHAGIAN VI
PELBAGAI

49. Penalti

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2001

PERATURAN-PERATURAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN (NEGERI MELAKA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 46 Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2001 [*Enakmen No. 5/2001*], Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian.

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Negeri Melaka) 2012**.
- (2) Peraturan-peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.
- (3) Peraturan-peraturan ini hendaklah terpakai hanya kepada Pihak Berkuasa Tempatan negeri Melaka.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2001;

“hiburan” mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

“lesen” mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam seksyen 6 Enakmen;

“pegawai yang diberi kuasa” mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

“Pegawai Pelesen” mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini;

“Pihak Berkuasa Tempatan” mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

“tempat hiburan” mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen.

BAHAGIAN II
PELESENAN

Permohonan lesen

3. (1) Tiap-tiap permohonan kepada Pegawai Pelesen untuk mendapatkan lesen hiburan atau lesen untuk membuka tempat hiburan yang baru atau pembaharuanya di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibuat dalam Borang yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan hendaklah disertakan dengan—

- (a) skrip, jika ada, hiburan itu;
- (b) butir-butir mengenai orang yang terlibat dalam penganjuran hiburan itu dan kepentingan yang diwakili oleh orang tersebut;
- (c) butir-butir mengenai orang-orang yang telah diundang atau bersetuju untuk mengambil bahagian dalam hiburan itu atau yang telah mengambil bahagian dalam hiburan itu dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu;
- (d) tujuan yang baginya apa-apa keuntungan daripada hiburan itu dicadangkan hendak digunakan atau telah digunakan;
- (e) jika mana-mana struktur sementara dikehendaki bagi maksud hiburan itu, maka kelulusan daripada pihak berkuasa yang relevan dan perakuan daripada jurutera awam atau jurutera struktur yang memperakui bahawa struktur itu akan berada dalam keadaan baik dan selamat bagi tempoh selama hiburan itu hendak diadakan.

(2) Pegawai Pelesen boleh memberikan lesen dengan atau tanpa mengenakan apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang difikirkan perlu kepadanya.

(3) Sejumlah wang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit sebagaimana yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen sebagai jaminan terhadap permohonan untuk memastikan pematuhan syarat-syarat atau sekatan lesen atau peruntukan-peruntukan Enakmen atau Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.

(4) Pegawai Pelesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut semasa permohonan lesen dibuat.

(5) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pegawai Pelesen.

(6) Apabila permohonan itu diluluskan, Pegawai Pelesen hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada—

- (a) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua dan Keempat serta lain-lain bayaran yang difikirkan patut; dan

-
- (b) apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen dari masa ke semasa.

Penolakan permohonan

4. Pegawai Pelesen boleh, menurut budi bicaranya, menolak sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen hiburan atau lesen untuk membuka tempat hiburan atau pembaharuan mana-mana lesen itu atas apa-apa jua sebab tetapi khususnya jika Pegawai Pelesen itu berpuas hati bahawa—

- (a) telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan dengan pihak berkuasa tempatan; atau
- (b) berlaku sebarang pecah keamanan, halangan, gangguan atau kecederaan kepada residen di kawasan tempat hiburan yang berkaitan dengannya lesen telah dikeluarkan; atau
- (c) pada pendapat Pegawai Pelesen mana-mana persempahan tersebut adalah bersifat merbahaya, lucah, atau tidak bermoral atau mungkin merbahaya kepada nyawa manusia atau boleh menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang.

Fi lesen

5. Fi yang kena dibayar bagi suatu lesen berkenaan dengan sesuatu hiburan dan untuk membuka tempat hiburan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Pematuhan kepada syarat dan sekatan lesen

6. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen.

(2) Pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat dan sekatan dalam peraturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Kuasa mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat

7. (1) Pegawai Pelesen boleh, dari semasa ke semasa menurut kepentingan awam untuk—

- (a) mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen itu; atau
- (b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen itu.

(2) Pegawai Pelesen hendaklah memberi satu notis bertulis kepada pemegang lesen.

Kuasa untuk menghendaki maklumat

8. Pegawai Pelesen boleh menghendaki pemohon memberikan apa-apa maklumat yang berkaitan sebagaimana difikirkan perlu bagi maksud menimbaangkan sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen atau memperbaharui sesuatu lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Fi tidak boleh dibayar balik

9. Apa-apa fi yang telah dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dikembalikan.

Bentuk lesen

10. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pegawai Pelesen dari semasa ke semasa.

Tempoh lesen

11. Suatu lesen jika tidak dibatalkan terlebih dahulu, Pihak Berkuasa Tempatan boleh dalam budi bicaranya jika difikirkan wajar, mengeluarkan sesuatu lesen untuk tempoh tidak melebihi satu tahun.

Lesen tidak boleh dipindahmilik

12. (1) Tiada lesen boleh dipindahmilik tanpa kebenaran bertulis daripada Pegawai Pelesen.

(2) Fi pindahmilik lesen adalah 30% daripada fi lesen.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

13. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam premis berlesen dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pegawai Pelesen.

(2) Pemegang lesen yang gagal mempamerkan atau mengemukakan lesen itu di bawah subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pembatalan lesen

14. Pegawai Pelesen boleh, pada bila-bila masa, membatalkan sesuatu lesen jika—

- (a) telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan; atau
- (b) berlaku sebarang pecah keamanan, halangan, gangguan atau kecederaan kepada residen di kawasan tempat hiburan yang berkaitan dengannya lesen telah dikeluarkan; atau
- (c) pada pendapat Pegawai Pelesen mana-mana persempahan tersebut adalah bersifat merbahaya, lucah, atau tidak bermoral atau mungkin merbahaya kepada nyawa manusia atau boleh menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang.

Pembaharuan lesen

15. (1) Suatu permohonan pembaharuan lesen boleh dibuat kepada Pegawai Pelesen dengan bayaran fi sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Suatu permohonan pembaharuan lesen tidaklah dianggap sebagai satu hak dan ianya tertakluk kepada Peraturan 3.

(3) Pegawai Pelesen boleh mengkehendaki pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan perlu semasa permohonan dibuat.

(4) Pegawai Pelesen boleh menolak pembaharuan sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

(5) Pemegang lesen hendaklah menyelesaikan sebarang bayaran kepada Pegawai Pelesen sebelum lesen diperbaharui.

Lesen gantian

16. Jika apa-apa lesen yang diberikan telah hilang, cacat atau rosak, Pegawai Pelesen boleh mengeluarkan suatu lesen gantian untuk menggantikan lesen itu dengan membayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN III

PENGAWALAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN

Larangan penjualan tiket dan pengiklanan

17. Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa tiket atau mengiklankan apa-apa hiburan melainkan jika suatu lesen telah diberikan oleh Pegawai Pelesen.

Tempat letak kereta

18. Tanpa menjelaskan kuasa Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengenakan apa-apa syarat atau sekatan lain di bawah seksyen 11 Enakmen, Pegawai Pelesen boleh mengenakan syarat kepada pemegang lesen supaya mengadakan dan menguruskan suatu tempat letak kereta yang sesuai di sekitar tempat hiburan.

Perlindungan insuran

19. Pegawai Pelesen boleh jika difikirkannya perlu, menghendaki pemegang lesen tempat hiburan mengambil perlindungan insuran yang mencukupi bagi menjamin keselamatan orang ramai yang masuk ke tempat hiburan itu.

Kebersihan premis

20. Pemegang lesen hendaklah, pada setiap masa, menjaga kebersihan tempat hiburannya sehingga memuaskan hati Pegawai Pelesen.

Kacau-ganggu yang disebabkan oleh bunyi

21. Pemegang lesen hendaklah mengawasi paras bunyi yang disebabkan oleh hiburan yang disediakan di dalam tempat hiburannya dan memastikan bahawa bunyi demikian tidak mewujudkan sesuatu kacau-ganggu.

Kemudahan tandas

22. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) terdapatnya di tempat hiburan itu kemudahan tandas yang berasingan bagi lelaki dan perempuan dan bahawa kemudahan tandas itu diselenggara dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa;
- (b) tiap-tiap tandas itu dilengkapi dengan paip, baldi dan hos untuk memudahkan pembersihan;
- (c) tiap-tiap tandas itu hendaklah pada setiap masa, dilengkapi dengan kertas tandas, sabun atau bahan pencuci, tong sampah dan pengering elektrik, tuala bersih atau kertas tisu;
- (d) pencahayaan yang mencukupi hendaklah disediakan di dalam tiap-tiap tandas pada setiap masa; dan
- (e) jika sesuatu hiburan itu diadakan di luar bangunan, maka pemegang lesen hendaklah menyediakan kemudahan tandas dan bekalan air yang mencukupi hendaklah ada pada setiap masa;

Kelengkapan pertolongan cemas

23. Pemegang lesen hendaklah menyedia dan menyenggarakan dalam keadaan balik pada setiap masa di tempat hiburan itu suatu kotak pertolongan cemas yang sesuai yang mengandungi pembalut dan alat-alat pertolongan cemas yang dinyatakan di bawah ini—

- (a) enam pembalut yang disteril, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sentimeter x 7.6 sentimeter bagi luka dan luka terbakar;
- (b) satu gulung kapas yang disteril tidak kurang daripada 300 gram;
- (c) dua gulung kain pembalut, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sentimeter x 5.5 sentimeter;
- (d) tiga helai kain pembalut berbentuk segitiga;
- (e) satu gulung pengikat pembedahan berukuran 2.54 sentimeter x 2.74 sentimeter;
- (f) satu pasang gunting keluli tahan karat;
- (g) satu kotak pin keselamatan; dan
- (h) satu tiub krim antiseptik.

Keselamatan orang awam

24. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) pembinaan premis, susunan tempat duduk, keperluan-keperluan Jabatan Bomba dan pemasangan pencahayaan, elektrik, peredaran udara dan mekanikal adalah mengikut undang-undang yang berhubungan dengannya;
- (b) semua alat pencegahan kebakaran diselenggara dengan wajar dan dalam keadaan boleh digunakan dengan baik; dan
- (c) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu keluar adalah sentiasa tidak dikunci pada setiap masa pengendalian.

Pengudaraan

25. Pemegang lesen hendaklah mengambil segala langkah yang perlu dan sesuai untuk memastikan bahawa terdapatnya peredaraan udara itu dijaga dalam keadaan boleh digunakan dengan baik pada setiap masa.

Pembinaan gerai atau struktur

26. Tiada gerai atau struktur lain boleh dibina di dalam tempat hiburan melainkan dibenarkan dan diluluskan oleh Pegawai Pelesen.

Pelesenan perniagaan dsb.

27. Tiada gerai atau struktur yang terletak dalam sesuatu tempat hiburan boleh digunakan bagi apa-apa perniagaan tanpa sesuatu lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

BAHAGIAN IV**HAD-HAD LESEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN****Had hiburan**

28. Tiada hiburan selain daripada yang dinyatakan dalam lesen hiburan boleh dibenarkan dalam tempat hiburan itu.

Bilangan mesin yang dibenarkan

29. Bilangan mesin bagi apa-apa permainan yang dibenarkan dalam tempat hiburan tidak boleh melebihi bilangan yang dinyatakan dalam lesen.

Bilangan orang yang dibenarkan

30. Pemegang lesen tidak boleh membenarkan lebih daripada bilangan orang yang dinyatakan dalam lesen untuk memasuki atau berada di dalam sesuatu tempat hiburan.

Hiburan yang lucah dilarang

31. Tiada hiburan yang lucah boleh dibenarkan di dalam mana-mana tempat hiburan.

Pakaian

32. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pekerja-pekerja dan mana-mana orang yang terlibat dalam sesuatu hiburan yang diadakan berpakaian sopan.

Orang yang mabuk dilarang

33. Tiada orang yang mabuk boleh dibenarkan memasuki atau berada di dalam mana-mana tempat hiburan.

Tiada pertaruhan atau perjudian dibenarkan

34. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada pertaruhan, loteri atau perjudian sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289] atau Ordinan Pertaruhan [Ord. 47/1853] atau undang-undang lain yang berkaitan dijalankan dalam sesuatu tempat hiburan.

Dilarang manipulasi

